



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 13 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 13 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,347 kes** (414,707 kes kumulatif, 90.5%);
- Kes baharu : **4,855 kes** (458,077 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,852 kes** [4,494 warganegara (92.6%); 358 bukan warganegara (7.4%)];
- Kes aktif : **41,582 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **481 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **247 kes**;
- Kes kematian : **27 kes** (1,788 kes kumulatif, 0.39%; 27 warganegara);
- Jumlah kluster : **1,848 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **8 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,391 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **457 kluster**.

Terdapat **27 kes kematian** pada hari ini yang melibatkan **lapan (8) kes** di Selangor, **lima (5) kes** di Johor, **tiga (3) kes** di Kelantan, masing-masing **dua (2) kes** di Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak, dan Pulau Pinang, serta masing-masing **satu (1) kes** di Perak, Pahang, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 1, 2, 3 dan 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

### **UCAPAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam di Malaysia. Pihak KKM juga ingin merakamkan sekalung penghargaan khususnya kepada semua petugas barisan hadapan termasuk petugas kesihatan KKM dan sukarelawan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan

Imigresen Malaysia (JIM), dan pelbagai agensi lain yang komited memberikan perkhidmatan mereka semasa musim perayaan ini.

Para anggota barisan hadapan kini mengharapkan masyarakat dapat memainkan peranan masing-masing dalam memerangi wabak COVID-19. Semoga dengan amalan norma baharu ini, kita dapat sama-sama membendung wabak COVID-19 di Malaysia sama ada semasa mahupun selepas musim perayaan.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

**Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

**Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan

memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

13 Mei 2021 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 13 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	1,783 (1)	149,612
<b>SABAH</b>	76	59,149
<b>JOHOR</b>	467	49,427
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	521 (1)	48,762
<b>SARAWAK</b>	395	37,121
<b>PULAU PINANG</b>	395	22,987
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	100	20,248
<b>KELANTAN</b>	339	18,387
<b>PERAK</b>	302	16,337
<b>KEDAH</b>	193	12,015
<b>MELAKA</b>	67	8,345
<b>PAHANG</b>	56	6,070
<b>TERENGGANU</b>	148	5,242
<b>WP LABUAN</b>	4 (1)	2,501
<b>WP PUTRAJAYA</b>	9	1,492
<b>PERLIS</b>	0	382
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,855 (3)</b>	<b>458,077</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 27 kes kematian pada 13 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1762	Sarawak	Lelaki (WN)	79	Hospital Sibu	Penyakit kencing manis, strok, dan buah pinggang kronik
1763	Sabah	Lelaki (WN)	50	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1764	Kelantan	Perempuan (WN)	53	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit darah tinggi dan buah pinggang kronik
1765	Johor	Lelaki (WN)	50	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Obesiti
1766	Kelantan	Perempuan (WN)	66	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	-
1767	Selangor	Perempuan (WN)	82	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Klang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
1768	Selangor	Lelaki (WN)	76	Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi
1769	Sabah	Perempuan (WN)	76	Hospital Lahad Datu	-
1770	Selangor	Perempuan (WN)	74	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
1771	Perak	Lelaki (WN)	59	Hospital Taiping	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1772	Sarawak	Perempuan (WN)	71	Hospital Sibu	Penyakit jantung
1773	Johor	Lelaki (WN)	79	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang kronik

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1774	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	73	Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
1775	Kelantan	Perempuan (WN)	65	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1776	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	68	Hospital Pulau Pinang	Penyakit parkinson
1777	Selangor	Lelaki (WN)	37	Hospital Kajang	-
1778	Johor	Lelaki (WN)	74	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1779	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	53	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
1780	WP Labuan	Lelaki (WN)	77	Hospital Labuan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
1781	Selangor	Perempuan (WN)	80	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
1782	Selangor	Lelaki (WN)	56	Hospital Tanjung Karang	Penyakit kencing manis dan kanser paru-paru
1783	Selangor	Perempuan (WN)	79	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1784	Selangor	Lelaki (WN)	77	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1785	Johor	Lelaki (WN)	56	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
1786	Johor	Lelaki (WN)	77	Jenazah dibawa ke Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1787	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	83	Hospital Kepala Batas	Penyakit darah tinggi dan jantung
1788	Pahang	Lelaki (WN)	40	Hospital Raub	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung

\*WN merujuk kepada warganegara.



### LAMPIRAN 3

Perincian 4,855 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 13 Mei 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	1,783	59	1,208	1	515
WP KUALA LUMPUR	521	32	297	1	191
JOHOR	467	183	166	-	118
SARAWAK	395	100	203	-	92
PULAU PINANG	395	109	169	-	117
KELANTAN	339	20	239	-	80
PERAK	302	128	144	-	30
TERENGGANU	148	80	54	-	14
KEDAH	193	25	94	-	74
NEGERI SEMBILAN	100	37	43	-	20
SABAH	76	27	36	-	13
MELAKA	67	28	25	-	14
PAHANG	56	-	48	-	8
WP PUTRAJAYA	9	-	7	-	2
WP LABUAN	4	2	-	1	1
PERLIS	0	-	-	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,855</b>	<b>830</b>	<b>2,733</b>	<b>3</b>	<b>1,289</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 13 MEI 2021**

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Kategori Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Disaring</b>
1	Jalan Keretapi Lama	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	24	81
2	Lima Jalan Kebun	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Kuala Langat	11	1,226
3	Jalan Tropika Industri	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	14	112
4	Jalan Suasa Industri	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	12	72
5	Jalan Chain Ferry	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara	14	72
6	Jalan Lilin	Komuniti	Sarawak	Miri dan Lawas	22	262
7	Kongsi Lapan	Komuniti	Sabah	Tawau	11	56
8	Tanjung Rimau	Keagamaan	Melaka	Alor Gajah	14	51